

PROLIDIN TABLET/ SYRUP

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Triprolidine hydrochloride/Pseudoephedrine hydrochloride (2.5mg/60mg, 1.25mg/30mg per 5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan PROLIDIN
2. Bagaimana PROLIDIN berfungsi
3. Sebelum menggunakan PROLIDIN
4. Cara menggunakan PROLIDIN
5. Semasa menggunakan PROLIDIN
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan PROLIDIN
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan PROLIDIN

PROLIDIN digunakan untuk sementara melegakan hidung dan sinus tersumbat, bersin dan hidung berair yang dikaitkan dengan selsema dan rinitis alergi (radang membran mukus dalam hidung).

Bagaimana PROLIDIN berfungsi

Triprolidine hydrochloride merupakan antihistamin yang berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi tertentu (histamine) yang dihasilkan oleh badan anda semasa reaksi alahan. Tindakan antimuskarinik memberikan kesan pengeringan pada Lapisan rongga hidung.. Pseudoephedrine hydrochloride ialah dekongestan. Ia berfungsi dengan penyempitan saluran darah untuk mengurangkan bengkak dan kesesakan

Sebelum menggunakan PROLIDIN

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan PROLIDIN jika:

- Anda alah atau hipersensitif kepada mana-mana bahan-bahan di dalam produk ini
- Anda sedang dirawat dengan perencat monoamine oxidase (MAOIs) untuk kemurungan
- Penggunaan untuk bayi yang baru dilahirkan atau pra-matang kerana mereka mempunyai risiko yang lebih tinggi terhadap kesan antimuskarinik, seperti rangsangan sistem saraf pusat dan konvulsi.
- Anda mempunyai darah beku dalam saluran darah jantung
- Anda mempunyai terlalu banyak hormon tiroid

Mengandung dan menyusukan anak

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menyusukan bayi. Penggunaan tidak digalakkan semasa penyusuan susu ibu kerana risiko

keterujaan atau kerengsaan pada bayi. Antihistamin boleh menghalang pengeluaran susu. Dapatkan nasihat doktor sebelum menggunakan mana-mana ubat-ubatan.

- Sebelum mula menggunakan PROLIDIN

Beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan ubat ini jika anda mempunyai mana-mana daripada yang berikut:

- Penyakit jantung
- Tekanan darah tinggi
- Kencing manis
- Alahan ubat-ubatan yang serupa

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Ini termasuk:

- Tricyclic antidepressant
- Beta blocker (untuk mengurangkan tekanan darah tinggi)
- Anxiolytics (untuk melegakan keresahan) dan hipnotik (untuk mendorong tidur)
- Betahistine (untuk mengurangkan rasa berputar)

Cara menggunakan PROLIDIN

- Berapa banyak harus digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

PROLIDIN SYRUP

Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun: 2 sudu teh (10 ml).

Kanak-kanak 7 - 12 tahun: 1 sudu teh (5 ml).

Kanak-kanak 2 - 6 tahun: ½ sudu teh (2.5 ml).

Untuk diambil 4-6 jam sekali.

AMARAN (apabila digunakan untuk rawatan batuk dan selsema):

1. Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak kurang daripada 2 tahun.
2. Gunakan dengan berhati-hati dan dapatkan nasihat doktor pada kanak-kanak 2 hingga 6 tahun.

PROLIDIN TABLET

Dewasa dan kanak-kanak lebih 12 tahun: 1 tablet.

Kanak-kanak 7 - 12 tahun: ½ tablet. Untuk diambil 3 kali sehari.

- Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan rasa mengantuk, lesu, pening, hilang kawalan pergerakan dan keseimbangan badan, lemah, Kekurangan tonus otot, lemah pernafasan, kekeringan kulit dan membran mukus, kadar degupan jantung yang cepat, tekanan darah tinggi, suhu badan yang terlalu tinggi, hiperaktif, kerengsaan, konvulsi, kesukaran membuang air. Penggunaan yang terlalu berlebihan boleh menyebabkan pernafasan terhenti untuk sementara, kegagalan peredaran darah, jantung berhenti dan juga kematian.

Semasa menggunakan PROLIDIN

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan PROLIDIN.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan*
Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi PROLIDIN kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- *Perkara yang perlu diberi perhatian*
PROLIDIN boleh menyebabkan mengantuk. Jika mengantuk, jangan memandu atau mengendalikan jentera.

Elakkan mengambil alkohol.

Penggunaan antihistamin yang berpanjangan boleh mengurangkan atau menghalang aliran air liur, yang menyumbang kepada pembentukan karies, penyakit periodontal (gusi), kandidiasis oral (jangkitan kulat pada mulut) dan ketidakselesaan.

Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, PROLIDIN boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan-sesan sampingan adalah seperti rasa mengantuk, pening, lemah otot, gangguan gastrousus. Ia boleh meningkatkan tekanan darah. Pembesaran prostat boleh membawa kepada pengekalan kencing. Sakit tekak, demam, pendarahan atau lebam luar biasa, keletihan atau kelemahan yang luar biasa, sesak dada, degupan jantung cepat atau tidak teratur, perubahan mood atau mental, kecuaian atau ketakstabilan, kekerigan pada mulut, hidung, tekak, kemerahan muka, sesak nafas, khayalan, sawan, masalah untuk tidur, sakit kepala.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa lagi yang membuat anda rasa tidak sihat. kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan

di atas juga boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/ Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan PROLIDIN

- *Penyimpanan*
Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di dalam bekas bertutup. Simpan di tempat kering di bawah 25°C Lindungi daripada cahaya Goncang sebelum digunakan

- *Pelupusan*
Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- *Rupa dan warna produk*
PROLIDIN SYRUP
Sirap berwarna merah berperisa ceri

PROLIDIN TABLET

Tablet berwarna putih berbentuk bulat, dwicembung dan bergaris skor.

- *Bahan-bahan kandungan*
- Bahan-bahan aktif
Triprolidine hydrochloride & Pseudoephedrine hydrochloride

- Bahan-bahan tidak aktif
PROLIDIN SYRUP
Gula, Liquid Glucose, Methyl Paraben, propyl Paraben, Chloroform Spirit, Sodium Benzoate, Sodium Saccharin, Asid Sitrik, Menthol crystals, Xanthan Gum (Rhodigel), Perisa Cherry, Red Raspberry

PROLIDIN TABLET

Serbuk laktosa, Kanji, Gelatin, Aerosil, Magnesium Stearate

- *Nombor MAL*

PROLIDIN SYRUP
MAL19910177AZ

PROLIDIN TABLET
MAL19920509AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Dynapharm (M) Sdn. Bhd
2497, Mk. 1, Lorong Perusahaan Baru 5, Kawasan Perusahaan Perai 3, 13600 Perai, Pulau Pinang, MALAYSIA

Tarikh kemaskini RiMUP
28/06/2017

Nombor Siri:
BPFK(R4/1)280617/00157